

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 NOVEMBER 2016

DAP KHIANATI DR. M?

Um - 27/11/2016

KEPUTUSAN DAP tidak mengundang Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad pada persidangan parti itu awal bulan depan menimbulkan persoalan. Setelah Dr. Mahathir mengubah pendirian 100 peratus daripada benci kepada sukakan DAP sehingga ditolak oleh orang Melayu, sepatutnya DAP akan lebih menghargai peranan negarawan itu.

Apa salahnya menjemput beliau setidak-tidaknya atas kapasiti sahabat perjuangan DAP? Apakah beliau tiada nilai pada DAP? Penasihat DAP, Lim Kit Siang tidak sepatutnya memalukan Dr. Mahathir dan Parti Pribumi. Sedangkan Dr. Mahathir dan pemimpin Pribumi sanggup beraksi dalam perhimpunan haram Bersih yang dikuasai penyokong DAP, bersama-sama dalam deklarasi rakyat serta turut menjayakan konvensyen Pakatan Harapan.



MAHATHIR

Bukan itu sahaja beliau bersungguh-sungguh meyakinkan orang Melayu agar dapat menyokong DAP yang mengetuai gerakan pembangkang dalam usaha menjayakan parti baharunya. Awang lihat alasan DAP bahawa Dr. Mahathir dan Parti Pribumi bukan sebahagian Pakatan Harapan adalah rapuh dan tidak boleh diterima. Apakah ini bagi memastikan persidangan itu tidak hambar

sebagaimana konvensyen DAP Pulau Pinang baru-baru ini? Salah satu sebab konvensyen itu kurang mendapat sambutan, begitu juga perhimpunan haram Bersih, adalah kerana ramai penyokong tegar DAP belum dapat memaafkan Dr. Mahathir, yang dosa politiknya kepada parti itu terlalu besar. Lalu Awang tertanya-tanya percaturan siapa yang salah, siapa yang lebih menggunakan siapa dan siapa yang dikhianati?